

08/07/2002

Pesawah akan didedah projek One Tambun One Product

Manja Ismail

BANGKOK, Ahad - Kerajaan akan menghantar rombongan pesawah dan nelayan melawat Thailand bagi menyaksikan kejayaan projek One Tambun One Product (satu kampung satu projek) dalam usaha meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kagum dengan kerajinan dan kreativiti peserta projek itu, kesal kerana program seumpamanya di Malaysia hanya mengeluarkan tembikai walaupun diperkenalkan lebih awal daripada Thailand.

Perdana Menteri berkata, rakan sejawatannya di sini, Thaksin Shinawatra menyambut baik cadangan menghantar pesawah dan nelayan bagi mempelajari projek berkenaan di sini.

Beliau, yang kelmarin menyaksikan contoh projek itu di Chiang Mai berkata, pesawah dan nelayan tidak bekerja sepenuh masa seperti pekerja kilang yang mempunyai pendapatan lebih tinggi.

"Pesawah hanya bekerja tiga bulan setahun dan tidak berbuat apa-apa selepas itu. Mereka bukan saja tidak produktif, tetapi tidak mungkin mendapat pendapatan mencukupi daripada tanaman padi, apalagi dengan kosnya semakin meningkat.

"Jika mereka mahu menambah pendapatan, mereka mesti berusaha dengan melakukan kerja lain. Mereka mempunyai banyak masa dan satu daripadanya ialah menyertai projek satu kampung satu produk ini," katanya pada sidang akhbar sebelum berlepas ke Langkawi, hari ini.

Setibanya di Chiang Mai Jumaat lalu, Perdana Menteri yang ditemani Thaksin, terus mengunjungi projek seramik, anyaman bulu dan membuat cenderamata daripada kulit kayu di bawah program itu, sebelum ke hotel penginapannya.

Dr Mahathir berkata, walaupun peserta projek itu di Thailand menggunakan kaedah agak primitif, mereka mampu mengeluarkan pelbagai produk yang boleh dijual di pasaran sebagai barangan cenderamata untuk pelancong.

"Saya amat kecewa kerana di Malaysia, cenderamata untuk pelancong diimport termasuk dari Thailand," katanya sambil menambah, jika penduduk luar bandar memerlukan sedikit modal untuk projek itu, kerajaan sedia menimbangkannya.

Beliau kesal kerana menjadi amalan rakyat Malaysia melakukan apa yang orang lain sudah buat. Beliau memberikan contoh kecenderungan petani di Kedah menanam tembikai sehingga tanaman itu kini berlebihan di pasaran.

Sebaliknya di Thailand, penduduknya membuat pelbagai benda dengan bahan yang mudah diperolehi tetapi dilakukan dengan bersungguh dan mampu dijual.

"Seorang pesara tentera yang saya temui semalam membuat model rumah tradisional Thai daripada lebihan papan kayu jati dan ia amat cantik sekali. Ada pula yang membuat layang-layang sebagai bahan cenderamata.

"Benda seperti itu bukannya susah sangat. Saya sendiri pernah membuat layang-layang ketika kecil dulu. Tetapi mereka membuatnya untuk menambahkan pendapatan keluarga," katanya.